

## KHUTBAH JUMAAT

### “SULH DAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA MEMPERKASA PERUNDANGAN SYARIAH”

(2 Oktober 2020M/ 14 Safar 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ أَوْ  
الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَىٰ  
أَنْ تَعْدِلُوا ۖ وَإِنْ تَلَوْرَأْ أَوْ تَعْرَضُوا ۖ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٢٥﴾

**Maksudnya :** *Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu,*

*janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

*(Surah an-Nisa', ayat 135)*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Pada hari ini genap 30 tahun penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) yang diwujudkan penubuhannya untuk mengurus dan mentadbir perundangan Syariah di Bumi Darul Hana ini. Justeru, bersempena dengan ulang tahun ke-30 penubuhannya, Maka khutbah kali ini bertajuk “***Sulh dan Bahagian Sokongan Keluarga Memperkasa Perundangan Syariah***”.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

JKSS, pada kaca mata masyarakat sering dilihat lebih kepada agensi yang membuat keputusan berkaitan dengan sesuatu perceraian dan menjatuhkan hukuman kepada kesalahan-kesalahan jenayah syariah seperti khalwat, tidak berpuasa dan lain-lain. Walau apa pun disebalik persepsi tersebut, sebenarnya bidang tugas dan tanggungjawab JKSS lebih besar dan mencabar. Lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan perceraian. JKSS berperanan

dalam memastikan kebajikan pihak-pihak yang terlibat terpelihara selepas berlakunya sesuatu perceraian itu. Justeru, Sulh dan Bahagian Sokongan Keluarga merupakan bahagian yang diwujudkan bagi memastikan pentadbiran Perundangan Syariah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Sesuai dengan ayat 35, surah an-Nisa' yang telah dibacakan pada awal khutbah tadi, JKSS telah melaksanakan amanah sebagai satu golongan yang bertanggungjawab untuk berlaku adil kepada semua pihak, tanpa mengira latar belakang selari dengan slogan Jabatan ini iaitu "**Syariah Asas Keadilan**".

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Konflik dalam rumah tangga sering terjadi dan merupakan lumrah dalam kehidupan berpasangan. Konflik terjadi tanpa dirancang dan terjadi apabila satu pihak menghalang, menekan atau memaksa pihak lain menerima dan mematuhi pendapatnya tanpa mengambil kira keadaan dan perasan pihak yang satu lagi.

Meskipun konflik boleh diselesaikan oleh pihak-pihak yang terlibat namun sering juga memerlukan pihak ketiga untuk menyelesaikannya. Menyedari keadaan tersebut, maka diwujudkan **Sulh** yang berperanan sebagai pihak ketiga dalam menyelesaikan konflik tersebut.

Dua asas utama Pegawai Sulh dalam melaksanakan peranan mereka ialah tidak bertentangan dengan perundangan Islam dan

undang-undang yang berkuatkuasa dan juga mementingkan persetujuan bersama pihak-pihak.

Di samping itu, Pegawai Sulh juga berperanan utama sebagai mediator dan juga sebagai kaunselor. Oleh itu mediasi-kaunseling merupakan satu konsep baharu yang telah diperkenal dan dilaksanakan sebagai alternatif penyelesaian bagi menyelesaikan konflik di dalam rumah tangga atau tuntutan selepas perceraian. Pihak-pihak yang terlibat dalam suatu pertikaian di Mahkamah Syariah akan dipanggil dan dipertemukan di dalam suatu majlis perundingan dipimpin yang dikendalikan oleh Pegawai Sulh bertauliah. Ini selari dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam al-Qur'an di dalam surah al-Hujurat, ayat 9:

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا ...

**Maksudnya :** *Dan jika dua puak dari orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; ...*

Nabi *sallallahu alaihi wasallam* menyatakan perkara perdamaian ini dalam hadis Baginda yang bermaksud:

*“Perdamaian (sulh) itu diharuskan (dalam urusan) di antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram.”*

*(Hadis riwayat Imam at-Tarmizi)*

Penyelesaian secara persetujuan bersama tanpa melalui prosiding perbicaraan di hadapan Hakim merupakan antara matlamat sulh

dilaksanakan. Sejak kaedah Sulh diperkenalkan, banyak kes dapat diselesaikan dengan persetujuan bersama pihak yang terlibat. Antara tuntutan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah sulh adalah tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin atau bertunang, tuntutan berbangkit daripada isu-isu perceraian seperti mut'ah dan nafkah 'iddah, nafkah tertunggak, harta sepencarian, hutang maskahwin, tuntutan nafkah anak dan tuntutan hak jagaan anak.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

**Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)** pula ditubuhkan rentetan daripada permasalahan pelaksanaan dan penguatkuasaan sesuatu keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah khusus berkaitan perintah nafkah anak dan nafkah idah. Menyedari keruncingan masalah pengabaian perintah Mahkamah Syariah berkaitan pembayaran nafkah anak dan nafkah iddah ini, maka Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-46 telah bersetuju untuk menubuhkan BSK bagi memberikan khidmat nasihat perundangan kepada pihak-pihak secara khusus berkaitan tuntutan nafkah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman selepas suatu perintah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, melaksanakan tugas Peguam Syarie dan Bailif dalam pelaksanaan penghakiman dan penguatkuasaan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan nafkah dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pihak dan menguruskan bantuan kewangan sementara melalui tapisan kelayakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Akaun

Amanah bagi membantu isteri dan anak-anak. Jabatan ini akan bertindak memberi bantuan sementara atau pendahuluan nafkah kepada mereka yang layak dan seterusnya mencadangkan nama mereka kepada agensi yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Bantuan sementara atau pendahuluan ini secara langsung dapat meringankan beban penerima bagi meneruskan kehidupan seharian.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, Islam amat mementingkan agar keadilan sentiasa dilaksanakan dalam setiap aspek kehidupan. Pada masa yang sama, memilih jalan perdamaian selagi ada ruang dan peluang adalah amat digalakkan. Inilah nilai yang seharusnya menjadi panduan dan pegangan bagi umat Islam dalam mengharungi cabaran kehidupan termasuklah dalam hubungan kekeluargaan. Berkaitan dengan hal ini, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah bersabda yang bermaksud:

*“Janganlah seseorang mukmin lelaki membenci seseorang mukminah perempuan. Jika dia tidak suka suatu kelakuannya (boleh jadi) dia suka perbuatan yang lain.”*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Subhanallah, ia merupakan panduan buat diri kita, bagaimana seharusnya kita menghargai orang lain terutamanya pasangan kita. Perbezaan mungkin berlaku, masalah serta salah faham juga merupakan lumrah kehidupan. Ketika itu Islam mengajar kita untuk melihat kepada aspek positif dalam diri pasangan kita. Hargai

segala usaha dan sumbangan yang telah diberikan oleh pasangan kita. Dan berusaha untuk mencari huraian serta jalan keluar dengan berbincang dengan baik. Inilah hasrat daripada usaha yang dilaksanakan oleh pihak JKSS melalui **Sulh** dan **Bahagian Sokongan Keluarga**.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, kita mendoakan agar Jabatan ini terus cemerlang dalam melaksanakan amanah, tanggungjawab dan penyediaan perkhidmatan kepada masyarakat, seterusnya komited dalam melaksanakan perundangan syariah selari dengan visinya “**Menjadi sebuah institusi kehakiman syariah yang berwibawa**”. Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata’ala* dalam Surah al-Nisa’, ayat 19:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُّبِينَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَتَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

**Maksudnya :** *Wahai orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadaNya, kecuali*

(apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan, kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.